



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

INISIATIF PERANTISISWA KELUARGA MALAYSIA BAKAL BERI MANFAAT KEPADA MAHASISWA KELUARGA B40

Inisiatif PerantiSiswa Keluarga Malaysia di bawah Belanjawan 2022 yang diterajui oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) disasar dilaksanakan bermula penggal pertama tahun 2022 yang melibatkan peruntukan berjumlah RM450 juta. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama daripada Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Inisiatif PerantiSiswa bertujuan membantu mahasiswa Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang berada dalam kelompok keluarga B40 iaitu keluarga yang mempunyai purata bulanan pendapatan seisi rumah di bawah RM4,850. Peranti ini disediakan secara percuma kepada mahasiswa yang berkelayakan di IPT-IPT berkenaan agar mereka dapat menggunakan peranti tersebut dalam pembelajaran sehingga selesai tempoh pengajian.

Inisiatif ini akan melibatkan semua mahasiswa dalam kelompok keluarga B40 yang belajar di peringkat pengajian Diploma, Diploma Lanjutan dan Ijazah Sarjana Muda daripada Universiti Awam (UA), Politeknik, Kolej Komuniti dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di bawah KPT.

Proses perolehan bagi inisiatif ini sedang dibuat dan dijangka dapat disempurnakan pada bulan Mei 2022, seterusnya akan mula dilaksanakan pada bulan Jun 2022. Pihak IPT akan diberi taklimat lanjut oleh KKMM dan KPT untuk kelancaran pelaksanaan inisiatif ini.

Inisiatif ini menunjukkan keprihatinan Kerajaan yang cakna dengan keperluan pembelajaran terutamanya terhadap golongan B40 bagi membentuk komuniti digital Keluarga Malaysia serta merapatkan jurang digital antara semua kelompok Keluarga Malaysia.

Adalah diharapkan inisiatif PerantiSiswa ini menjadi pelengkap kepada proses pembelajaran di IPT dan dapat dimanfaatkan sebaik mungkin untuk terus berdaya maju seiring evolusi teknologi digital.

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA TPr ANNUAR HAJI MUSA
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

17 Mac 2022